

# Tambahan kerusi lulus dengan 149 menyokong, 34 menentang

UM 25 JUN 2003

KUALA LUMPUR 24 Jun — Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2003 diluluskan oleh Dewan Rakyat hari ini setelah mendapat persetujuan majoriti melebihi dua pertiga.

Sebanyak 149 wakil rakyat bersetuju dengan rang undang-undang tersebut manakala 34 pula menentang melalui undi yang dijalankan.

Sembilan orang wakil rakyat membahaskan rang undang-undang tersebut yang kemudian digulung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Rang undang-undang yang menyentuh mengenai penambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dalam persempa-

danan semula bahagian pilihan raya itu telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Semasa penggulungan, Rais berkata, SPR mempunyai alasan yang kukuh untuk tidak menambah kerusi Parlimen di Kedah, Terengganu, Kelantan dan Perlis.

Katanya, keempat-empat negeri tersebut sudah mempunyai kerusi Parlimen yang cukup sesuai dengan bilangan pemilih di negeri masing-masing.

Sebagai contoh, katanya, tambahan kerusi Kedah tidak dilakukan kerana dalam urusan persempadanan semula yang lalu Kedah mendapat tambahan kerusi negeri sebanyak iaitu lapan kerusi.

Dengan pertambahan kerusi itu... ata

Rais, rakyat Kedah telah mempunyai perwakilan yang mencukupi selaras dengan kedudukannya.

“SPR berpendapat Kedah tidak perlu dibekalkan kerusi yang banyak dalam persempadanan kali ini kerana sudah mempunyai 15 bahagian pilihan raya sekiranya dibandingkan dengan negeri lain yang mempunyai jumlah pemilih hampir sama seperti Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.” katanya.

Bagi Kelantan pula, kata Rais, tambahan kerusi Parlimen tidak dicadangkan kerana

■ Lihat muka 4

## Tambahan kerusi lulus dengan 149 menyokong, 34 menentang

purata pemilih Parlimennya iaitu 46,800 orang dianggap bersesuaian berbanding dengan purata nasional iaitu 50,200 orang.

Selain itu, jelas beliau, ramai penduduk Kelantan setiap tahun berpindah tempat dan bermastautin di negeri lain seperti di Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Johor.

Bagi Perlis katanya, SPR tidak mencadangkan sebarang tambahan kerusi kerana jumlah pemilih Parlimen agak rendah berbanding dengan lain-lain negeri. “Purata jumlah pemilihnya hanya 36,500 orang berbanding purata nasional,” katanya.

Bagi Terengganu, katanya, SPR tidak mencadangkan sebarang tambahan kerana berpendapat perwakilan sedia ada sudah mencukupi.

Beliau berkata, Kelantan mempunyai jumlah pemilih yang agak sama dengan Negeri Sembilan yang mempunyai 411,454 pemilih.

“Ekoran itu, agak wajar Kelantan diperuntukkan lapan kerusi Parlimen seperti Negeri Sembilan,” katanya.